

## NEGERI SABAH

(JPAN 1000-9/116/(20)

### PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 1/2011

#### HAD UMUR BAGI LANTIKAN PEGAWAI BERTARAF SEMENTARA DAN KONTRAK DALAM PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH

##### 1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan kerajaan berhubung dengan pelanjutan had umur bagi lantikan pegawai bertaraf sementara dan kontrak dalam Perkhidmatan Awam Negeri daripada 55 dan 56 tahun kepada 58 tahun.
- 1.2 Keputusan ini dibuat dengan mengambilkira pelanjutan umur persaraan wajib pegawai tetap kepada 58 tahun melalui Pekeliling Perkhidmatan (Persekutuan) Bilangan 6 Tahun 2008 berkuatkuasa 1 Julai 2008.

##### 2. LATARBELAKANG

- 2.1 Pada masa ini had umur bagi lantikan pegawai bertaraf sementara dan kontrak dalam Perkhidmatan Awam Negeri adalah selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 3/2002 seperti berikut :-
  - 2.1.1 Anggota yang dilantik **sementara sebelum 01 Oktober 2001** akan ditamatkan perkhidmatan atau berhenti dari perkhidmatan awam sebaik sahaja mencapai umur **55 tahun manakala** anggota yang dilantik **sementara selepas 01 Oktober 2001** akan ditamatkan perkhidmatan atau berhenti dari perkhidmatan awam sebaik sahaja mencapai umur **56 tahun**.
  - 2.1.2 Anggota yang dilantik **kontrak sebelum 01 Oktober 2001** buat pertama kalinya akan ditamatkan perkhidmatan atau berhenti dari perkhidmatan awam sebaik sahaja mencapai umur **55 tahun manakala** anggota yang dilantik **kontrak selepas 01 Oktober 2001** buat pertama kalinya akan ditamatkan perkhidmatan atau berhenti dari perkhidmatan awam sebaik sahaja mencapai umur **56 tahun**.

##### 3. HAD UMUR

- 3.1 Dengan pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan ini maka pegawai yang dilantik sementara dan kontrak akan ditamatkan perkhidmatannya atau berhenti dari perkhidmatan awam sebaik sahaja mencapai umur **58 tahun**.

4. **TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**

- 4.1 Ketua Jabatan terutamanya di peringkat Ibu Pejabat bertanggungjawab untuk memastikan supaya tidak ada pegawai sementara dan kontrak di bawah kawalannya berkhidmat melebihi tempoh had umur yang ditetapkan serta membuat pelan penggantian yang lebih terancang.

5. **TARIKH KUATKUASA**

- 5.1 Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuatkuasa mulai **01 Februari 2011**.
- 5.2 Sebarang pertanyaan mengenai tafsiran pekeliling ini hendaklah dirujuk kepada Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri.


6. **PEMBATALAN**

- 6.1. Dengan berkuatkuasanya pekeliling perkhidmatan ini, Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.3/2002 adalah dibatalkan.


7. **PEMAKAIAN**

- 7.1 Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri, tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

  
( **SUKARTI BIN WAKIMAN** )  
Setiausaha Kerajaan Negeri

Tarikh:



Diedarkan kepada:

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Kuasa Tempatan Negeri  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah - Daerah Kecil